

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan serta sekolah daif di Sarawak amnya dan kawasan Baram khasnya yang akan dibaik pulih dalam tahun 2019. Senaraikan sekolah yang akan dibaik pulih di kawasan Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM557 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk tahun 2018 sahaja, sebanyak 116 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM416.58 juta. Sehingga 28 Februari 2019 sebanyak 66 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 50 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap pada bulan April 2019.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula 32 buah sekolah daif di Sarawak. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat pada Mei tahun ini.

NO SOALAN: 10

Manakala khusus untuk parlimen Baram, sebanyak lima (5) buah sekolah yang memiliki bangunan daif telah dinaik taraf pada tahun 2018. Bagi tahun 2019, tiga (3) sekolah yang mempunyai bangunan daif akan dinaik taraf iaitu Sekolah Kebangsaan Long Lapok, Sekolah Kebangsaan Long Laput dan Sekolah Kebangsaan Sungai Buri yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16 juta. Pelaksanaan akan dilaksanakan oleh JKR sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

RJM 36